

Umno berniat jujur kekalkan sistem beraja— Ghafar

SUNGAI SIPUT, Sabtu — Naib-Presiden Umno Malaysia, Encik Abdul Ghafar Baba, menegaskan Umno berniat jujur untuk mengekalkan pemerintahan raja berperlembagaan, tanpa mencontohi sistem beraja negara-negara lain.

Umno, tegasnya, tidak mahu memperhitungkan atau meniru apa yang berlaku kepada raja di negara-negara asing kerana itu adalah soal mereka. "Keadaan di Malaysia berlainan dengan negara-negara lain," tegasnya ketika berucap mengenai 'Perjuangan Umno' di khemah kerja Pemuda Umno Malaysia di Kampung Pulau Mentimun.

Penjelasannya itu dibuat berikutan ada salah faham setengah pihak mengenai ucapannya di Persidangan Khas Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, 4 November lalu.

Encik Ghafar menegaskan, di Malaysia, Umno akan berpegang teguh pada perlembagaan Umno, Fasal 3 (ii) yang mahu mempertahankan prinsip-prinsip mengenai agama Islam, kedaulatan Raja-Raja Melayu, Bahari, bangsaan, hak-hak dan hak-hak is orang Melayu dan putera.

Konsep

Katanya, Umno berbangga kerana berjaya mempertahankan pemerintahan beraja selama ini sebagaimana termaktub di dalam perlembagaannya dan adalah menjadi hasrat Umno hendak melihat negara ini mempunyai raja berperlembagaan selama-lamanya kerana ia sesuai dengan keadaan negara ini.

Justeru itu, tambah Encik Ghafar, perlembagaan negara perlu disemak semula dan diperbaiki, jika ada kelemahan-kelemahan untuk menjamin kedudukan dan kedaulatan Raja-Raja berkekalan selama-lamanya.

Bellau juga menyanjung tinggi kesudian Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja berkenaan menerima mengadap wakil Majlis Tertinggi Umno.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia